

Ibu Zain wakili wanita perjuangankan kemerdekaan

Kebencian terhadap penjajah beri semangat untuk bangkit bebaskan tanah air

BH-10/8/2007



Oleh Srihanasham Noordin

KEMARAHAN dan kebencian Ibu Zain terhadap askar Jepun mendorong beliau untuk jadi berani serta rela berkorban apa saja untuk membebaskan Tanah Melayu yang tercinta daripada terus dijajah warga asing.

Pada mula, nawaitunya hanya satu iaitu untuk membantu memulihkan moral, motivasi dan semangat di kalangan wanita yang menjadi mangsa pencerobohan dan perkosaan askar Jepun.

Baginya, tanpa kemerdekaan tidak mungkin askar Jepun durjana dan pasukan British boleh dihalau keluar dari Tanah Melayu dan atas dorongan itulah, Ibu Zain memulakan siri kempen dan ceramahnya ke seluruh pelosok tanah air yang mampu dijejaknya.

Malah, hingga akhir hayatnya ketika berusia 86 tahun pada 2 April 1989, bekas Ketua Wanita Umno pertama itu, masih belum memaafkan kekejaman askar Jepun dan seumur hidupnya, beliau enggan dan tidak pernah menggunakan sebarang produk buatan negara matahari terbit itu.

Anak bongsunya, Sulaiman Shakib Amin, 67, berkata pernah suatu hari, ketika mengemas pakaian untuk menaikkan Haji, ibunya meminta supaya dibelikan tuala lain hanya kerana di hujung tuala sedia ada terdapat label yang tertera 'Made in Japan'.

Sulaiman ketika bercerita mengenai ibunya berkata, sebagai anak yang paling kecil, beliau menjadi pilihan untuk mengikuti ibunya berceramah di merata tempat kerana dua kakaknya, novelis, Khalidah Adibah, 71, atau dikenali sebagai Adibah Amin dan pensyarah, Khalilah Fadzilah, 69, ketika itu masih bersekolah.

Katanya, ibunya yang juga seorang guru tidak pernah mempunyai teks ucapan dan hanya melihat kesesuaian suasana sebelum meluahkan pendapatnya kepada khalayak.

"Saya tidak pernah jemu mendengar ceramah ibu kerana topiknyanya sentiasa

berubah. Istimewanya ibu, ketika berceramah, beliau akan menyanyi, bersyair dan bergurindam dengan rangkaian pantun dan lagu yang dikarangnya sendiri. Suaranya yang merdu akan menyebabkan orang terpegun mendengar ceramahnya.

"Ibu juga akan memulakan ucapan dengan menyebut 'Tuan-tuan dan puan-puan tanah air' selepas memberi salam. Beliau ingin tekankan bahawa tanah air ini kita yang punya. Jangan jadi hati hamba," katanya ketika ditemui di rumahnya di Johor Bahru, baru-baru ini.

Sulaiman berkata, selepas Jepun keluar daripada Tanah Melayu pada 1946 hingga 1954, ibunya amat aktif dalam politik menyampaikan ceramah untuk menguar-uarkan mengenai perjuangan kemerdekaan dan semangat juangnya amat tinggi untuk menyembuhkan semangat dan moral wanita Melayu.

"Masa zaman itu, wanita Melayu rasa moral mereka jatuh selepas diceroboh dan diperkosa askar Jepun. Ibu pergi ke kawasan hitam untuk bertemu wanita dan mengajak mereka berjuang menuntut kemerdekaan daripada British.

"Kata ibu, wanita umpama sayap (parti) dan tidak mungkin burung boleh terbang tanpa sayap," kata pegawai bank yang sudah bersara itu.

Beliau berkata, kemarahan ibunya menyiksa rakyat dengan memancung sesuka hati dan merogol wanita, manakala British yang menjajah Tanah Melayu lebih awal daripada itu tidak memperlakukan orang Melayu sedemikian teruk.

"Bagi ibu, British datang membawa beberapa ilmu, pengetahuan dan kemajuan kepada Tanah Melayu. Tetapi, namanya juga penjajah, mereka tetap patut disuruh keluar daripada negara kita, sebab itu kemerdekaan masih dituntut," katanya.

Satu lagi keistimewaan Ibu Zain, katanya, ialah beliau bijak mendapatkan derma dan tidak kisah untuk memberi derma.

Ketika kempen rundingan kemerdekaan Tunku Abdul Rahman ke London, beliau menderma seutas rantai emas hadiah daripada bapanya sebagai sebahagian daripada jutaan ringgit yang berjaya dikumpul ketika itu.

"Ibu ada seutas rantai emas yang diberi bapanya. Di rantai itu ada jam emas. Ibu tidak ada harta untuk diderma dalam tabung Umno. Jadi, beliau keluar-jam itu dan memasukkan rantai ke dalam tabung.

"Pada masa itu, ramai wanita yang menderma barang kemas mereka. Orang zaman itu yakin dan percaya ia akan digunakan untuk usaha kemerdekaan dan keikhlasan mereka amat berbaloi," katanya.

Beliau berkata, bapanya, Amin Ahmad, meninggal dunia beberapa hari sebelum askar Jepun keluar dari Tanah Melayu dan ibunya sebagai ibu tunggal diminta bersara awal pada 1949 dengan diberi persaraan RM112 sebulan ketika itu.

"Selepas British menyuruh ibu bersara awal, kami perlu keluar daripada rumah kerajaan dan tinggal di Rumah Kelab Guru selama setahun sebelum rumah ibu di Straits View siap. Masa itu, ibu tanam siri, ubi untuk dijual dan beli kain di Terengganu dan dijual semula untuk tambah pendapatan," katanya.

Ibu Zain dalam perjuangan, katanya, tidak pernah kecewa dan selepas merdeka berjaya dikecapi, beliau tidak ambil tahu mengenai politik dan tidak ghairah mengecapi hasil merdeka, malah ketika masih dalam politik, beliau tidak mahu menjatuhkan orang lain dan tidak kisah jika ada yang tidak menggemarnya.

"Ibu ikhlas. Bukan kerana jawatan dan sebagainya. Selepas merdeka, beliau tidak lagi masuk dalam politik. Ketika ada saudara kami cakap politik itu kotor, ibu pernah berkata, politik itu perlu. Tanpanya kita tidak boleh merdeka. Terpulang kepada kita untuk buat ia kotor atau tidak," katanya.

Ketika ditanya perasaannya mengenai Ibu Zain dan bagaimana jika tiada yang mengingati perjuangan ibunya, Sulaiman berkata, beliau bangga dengan ibunya dan memberikan serangkap pantun yang pernah diberikan ibunya.

"Buatlah baik ayuhai rakan, ke dalam laut tuan campakkan, jikalau tidak dikenal ikan, Allah mengetahui iya kah bukan'.

"Buat baik kerana Allah dan takut hanya kepada Allah, itu yang selalu ibu saya beritahu. Itulah juga pegangan saya," katanya.

FAKTA

Ibu Zain



- Nama sebenar Ibu Zain ialah Zainon Sulaiman.
- Beliau dilahirkan di Kampung Nyalas, Melaka pada 22 Januari 1903, anak kedua daripada lapan beradik.
- Bapanya, Munshi Sulaiman Abd Hadi Muhamad Nor mengajar bahasa dan persuratan Melayu di Maktab Latihan Guru Melayu Melaka pada 1900 dan gemar menggubah syair dan pantun. Ibunya ialah Siti Shahariah Kasih berasal dari Negeri Sembilan.
- Ibu Zain berkahwin dengan Amin Ahmad pada 16 Mac 1934 di Makkah dan suaminya yang berketurunan Arab dan dilahirkan di Makkah itu pernah berkhidmat sebagai Penolong Bendahari Johor. Mereka dikurniakan empat anak, tetapi anak sulungnya meninggal dunia dan mempunyai enam cucu.
- Ibu Zain mewarnakan rambutnya dengan daun inai yang ditumbuk setiap malam Jumaat dan menggunakan epal hijau untuk disapukan di muka bagi menjaga kecantikan dirinya.
- Sarapan Ibu Zain ialah bijirin serta susu segar dan hanya mengambil roti canai atau nasi lemak pada setiap Jumaat.
- Pada 1960-an, beliau mengasaskan Kolej Puteri Tengku Ampuan Mariam di Johor Bahru dan Tadika Islam, Tunas Suci yang kini dikendalikan pihak lain.
- Rutin hariannya ialah bangun jam 4 pagi untuk bersolat dan mengaji al-Quran, bersenam menerusi radio, melihat pokok bunganya dan haiwan peliharaan seperti angsa dan ayam, sarapan, sebelum bersiap untuk mengajar dan Sulaiman akan menghantarnya ke kolej menaiki kereta Peugeot 403, satu-satunya kereta yang dibeli sepanjang hidupnya, sebelum berehat selepas Zuhur hingga Asar.



WANITA PERKASA: Ibu Zain ketika berusia awal 20-an.